

Perginya raja bola sepak

Pele meninggal dunia pada usia 82 tahun selepas bertarung dengan kanser

Sao Paulo: Pele, legenda Brazil yang berasal daripada keluarga miskin sebelum menjadi pemain bola sepak terhebat di dunia dan atlet ternama dalam sejarah moden, meninggal dunia pada usia 82 tahun semalam.

Sejak beberapa bulan lalu, dia menjalani rawatan akibat ketumbuhan dalam ususnya.

Pele, atau nama sebenarnya Edson Arantes do Nascimento, menjanginkan sejumlah 1,281 gol, dan satu-satunya pemain yang memenangi Piala Dunia sebanyak tiga kali.

Dengan kemahiran dan senyuman manisnya, dia menjadikan bola sepak antara sukan paling popular di dunia dan berjaya memikat hati individu-individu berpengaruh termasuk ahli politik dan selebriti.

Dilahirkan pada 23 Oktober 1940 di pekan Minas Gerais, Tres Coracoes, Edson Arantes do Nascimento belajar bermain bola sepak daripada bapanya, pemain semi pro yang gagal meneruskan karier bola sepaknya akibat kecederaan lutut.

ring memakai jersi bernombor 10.

Dia menyertai Santos pada usia 15 tahun dan menjadikan kelab kecil itu antara nama yang hebat dalam bola sepak.

Sepanjang 18 tahun kariernya bersama kelab itu, dia memenangi setiap kejuaraan di Brazil serta dua gelaran Copa Libertadores - kejohanan tertinggi di Amerika Selatan - dan dua Piala Intercontinental, kejohanan dwitahunan antara pasukan terbaik Eropah dan Amerika Selatan.

Bakatnya turut dihidu pasukan kebangsaan Brazil dan dia terpilih menyertai skuad negaranya ke Piala Dunia 1958 di Sweden pada usia 17 tahun.


Jaring hatrik

Pele menjanginkan hatrik ketika separuh akhir bertemu Perancis, dan dua gol lagi ketika final menentang tuan rumah, Sweden - sekali gus membantu Brazil menjulang trofi Piala Dunia buat kali pertama.

Kecederaan menyebabkan Pele hanya beraksi dalam dua perlawanan pada edisi 1962, yang turut dimenangi Brazil.

Di kejohanan 1970 di Mexico, Pele yang semakin matang pada usia 29 tahun, memenangi Piala Dunia buat kali ketiga bersama skuad yang turut dibarisi Carlos Alberto Torres dan Tostao, dan dianggap antara skuad terbaik dalam sejarah.

"Saya beritahu diri saya sebe-



Pele ketika bermain untuk New York Cosmos pada 1975.

Utara dengan bayaran AS\$1 juta

Belakarnya dedah

Edson Arantes do Nascimento (Pele)

Tarikh lahir: 23 Oktober 1940

Tempat lahir: Tres CoraAoes, Minas Gerais, Brazil

Tarikh meninggal:

29 Disember 2022 (82)

Tinggi: 1.73m

Isteri:

- Rosemeri dos Reis Cholbi (kahwin 1966; cerai 1982);

- Assiria Lemos Seixas (kahwin 1994; cerai 2008)

- Marcia Aoki (2016)

Anak: 7

Posisi: Penyerang, pemain tengah penyerang

Karier remaja:

1953-1956: Bauru

Karier senior:

- 1956-1974: Santos 636 aksi (618 gol)

- 1975-1977: New York Cosmos 64 aksi (37 gol)

Skuad kebangsaan:

1957-1971: Brazil 92 aksi (77 gol)

Menteri Sukan Brazil:

1 Januari 1995 - 30 April 1998

putasinya di atas padang terus unggul apabila dia membantu New York Cosmos menjuarai liga pada 1977 dan menarik minat jutaan peminat di Amerika Syarikat terhadap sukan yang sebelum ini hanya terkenal di benua Eropah dan Amerika Latin.

Beberapa tahun kemudian, Amerika Syarikat menjadi tuan rumah untuk Piala Dunia 1994 dan Pele dikatakan antara faktor penting mereka mendapat hak penganjuran itu.

Laman sesawang Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) merekodkan Pele menjanginkan 1,281 gol dalam 1,366 perlawanan

deraan lutut.

Ketika kanak-kanak, Pele mula bermain bola sepak sebagai penjaga gol di kawasan kejirannya, dan rakan-rakan mula menyamakannya dengan seorang pemain bola sepak tempatan bernama "Bile" - dan akhirnya gelaran itu bertukar menjadi Pele.

Bagaimanapun Pele melakar reputasi tersendiri dengan bermain sebagai penyerang dan se-

"Saya beritahu diri saya sebelum perlawanan, yang dia juga diperbuat daripada kulit dan tulang seperti orang lain. Tetapi saya silap," kata Tarcisio Burgnich, pertahanan Itali yang ditugaskan mengawal Pele ketika final edisi 1970.

Pele bersara pada 1974, tetapi selepas pelaburannya tidak menjadi dan kewangannya meruncing, dia menerima tawaran bermain di Liga Bolasepak Amerika

Utara dengan bayaran AS\$1 juta (RM4.42 juta) setahun.

Karismanya menarik perhatian warga New York. Dia mula bergaul dengan selebriti dan pernah berkongsi meja dengan Mick Jagger, Rod Stewart dan Andy Warhol.

"Pele antara beberapa orang yang membuktikan teori saya silap. Dia bukan hanya terkenal 15 minit, tetapi 15 abad," kata Warhol.

Tolak arak, dadah

Bagaimanapun Pele tetap teguh dengan pendiriannya untuk tidak mendekati arak dan dadah, serta menegaskan dia perlu menjaga badannya dan menjadi contoh kepada kanak-kanak.

Namun dia mengaku ada kelemahan lain yang menghantui dirinya. Pele bercerai dua kali, mempunyai beberapa hubungan sulit dan dua anak di luar pernikahan.

Di sebalik kelemahan itu, re-

1,281 gol dalam 1,366 perlawanan, termasuk aksi persahabatan ketika dia menyertai tentera, tetapi hanya 757 gol dalam 812 perlawanan rasmi.

Pele mengalami beberapa masalah kesihatan sejak beberapa tahun lalu, termasuk kecederaan pinggul yang menyukarkan pergerakannya. Dia mengurangkan penampilannya di tempat awam, tetapi kekal aktif di media sosial.

REUTERS



Aksi akrobatik Pele sentiasa jadi kenangan pencinta bola sepak.



Pele dijulang rakan sepasukan selepas Brazil memenangi perlawanan akhir Piala Dunia menentang Itali, 4-1 di Mexico pada 1970.